



## KENYATAAN MEDIA

### PENGUMUMAN FASA AWAL ENDEMIK DAN OPERASI PERALIHAN

***Bandar Seri Begawan, Sabtu, 26 Mac 2022***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa **Fasa Awal Endemik (*Early Endemic Phase*) di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 akan dilanjutkan sehingga hari Juma'at 15hb., April, 2022.**

Walau bagaimanapun, sekatan pergerakan yang dilaksanakan semasa "Operasi Peralihan" iaitu arahan untuk berada di rumah/kediaman masing-masing dari jam 12.00 tengah malam sehingga 4.00 pagi, adalah dengan ini **tidak lagi dilanjutkan** bermula hari Juma'at, 1hb., April, 2022. Ini bermakna "Operasi Peralihan" / "Operasi Pulih" akan ditamatkan setelah enam (6) bulan Negara Brunei Darussalam mula melaksanakannya sejak 1hb., Oktober, 2021.

Di kesempatan ini, Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat berbesar hati dan seterusnya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerajaan khasnya agensi-agensi penguatkuasaan keselamatan, swasta, persatuan-persatuan bukan kerajaan, sukarelawan dan orang ramai atas sokongan dan kerjasama mereka dalam sama-sama mendokong hasrat kerajaan dan menghulurkan bantuan, selama mana Operasi berkenaan dilaksanakan bagi mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Oleh itu, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus membuat pemantauan terhadap situasi terkini jangkitan COVID-19 serta akan melakukan sedaya upaya bagi memastikan langkah-langkah yang bersesuaian dibuat bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini.

Sekali lagi, orang ramai adalah diingatkan untuk terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures – SOPs*) dan protokol kesihatan



seperti menjaga penjarakan fizikal, memastikan jumlah kapasiti yang dihadkan, memakai sungkup muka, menjaga kebersihan, menggunakan aplikasi BruHealth secara mandatori, malah penggunaan ART adalah digalakkan sebelum memasuki premis-premis.

Oleh itu, marilah kita terus berdoa dan bertawakal kehadhrat Allah *Subhanahu Wata'ala* supaya kita dihindari dan terselamat daripada penyakit wabak COVID-19. *Amin ya rabbal 'alamin.*

**JAWATANKUASA PANDU COVID-19**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

23 Sya'ban 1443  
26 Mac 2022



## MEDIA STATEMENT

### ANNOUNCEMENT ON EARLY ENDEMIC PHASE AND OPERASI PERALIHAN

***Bandar Seri Begawan, Saturday, 26<sup>th</sup> March 2022***

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee wishes to announce that **the Early Endemic Phase under the National COVID-19 Recovery Framework will be extended until Friday, 15<sup>th</sup> April 2022.**

However, the movement restriction which was implemented during "Operasi Peralihan", that is, the instruction to stay at home from 12.00 a.m. midnight until 4.00 a.m. **will be no longer be extended** starting Friday, 1<sup>st</sup> April 2022. This marks the end of "Operasi Peralihan" / "Operasi Pulih" after six (6) months of its implementation in Brunei Darussalam since 1<sup>st</sup> October 2021.

On this note, Alhamdulillah, the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam expresses its gratitude and appreciation to all government agencies especially security enforcement agencies, private sector, non-governmental organizations, volunteers and the public for their collective support and cooperation towards the government's efforts as well as their assistance throughout the implementation of the movement restriction, in curbing the spread of COVID-19 in the country.

In relation to this, the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam will continue to monitor the spread of the virus, and will do its utmost best to ensure that the appropriate measures are taken in the interest of the safety of the country's citizens and residents.

Once again, the public is reminded not to be complacent and to continue to adhere to Standard Operating Procedures and health protocols, such as physical distancing, ensuring venue capacity limits, the wearing of facemasks, maintaining cleanliness, and mandatory use of the BruHealth mobile application. Meanwhile, the use of ART prior to entering premises is encouraged.



Therefore, we must continue to pray, work together, and have faith in Allah Subhaanahu Wa Ta'ala that we will be safe from the COVID-19 pandemic. Amin ya rabbal 'alamin.

***COVID-19 STEERING COMMITTEE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

23 Sya'ban 1443  
26 Mac 2022